



1

TRANSFORMASI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs): Satu Iltizam Tuanku Syed Faizuddin Putra

Mohd Nazim Mohd Noor

Menelusuri sejarah, semasa era pemerintahan Siam dan Inggeris, pengurusan hal ehwal Agama Islam di Negeri Perlis ditadbir oleh Raja Pemerintah yang diangkat darjat sebagai Ketua Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Rentetan itu, al-Marhum Tuanku Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Saffi Jamalullail telah menubuhkan Majlis Agama Islam Perlis pada tahun 1920. Setelah Perlis menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Januari 1948, maka ditubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) selari dengan limpah perkenan al-Marhum Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis ke-6 yang telah memperkenankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis pada tanggal 1 Februari 1948. Oleh yang demikian, peranan MAIPs dalam mempertahankan ketinggian agama Islam bersendikan ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah bersesuaian Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis sentiasa dilestarikan.

Kepimpinan MAIPs yang diterajui oleh seorang Yang DiPertua merupakan asas kepada kejayaan MAIPs yang bertali arus. Bermula daripada Allahyarham Haji Ahmad Muhammad atau lebih dikenali sebagai Haji Mat Hakim sebagai Yang DiPertua MAIPs pertama dicatatkan pada tahun 1940, telah disambung oleh tiga orang lagi Yang DiPertua sebelum diterajui oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang ketika itu sebagai Raja Muda Perlis

sebagai Yang DiPertua kelima bermula tahun 1986 sehingga 2001. Kecemerlangan dan gaya kepimpinan hebat Tuanku Syed Sirajuddin Putra dalam menerajui MAIPs, telah diwarisi oleh Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis sebagai Yang DiPertua MAIPs keenam bermula tanggal 14 Disember 2001 sehingga sekarang. Peruntukan Seksyen 4, Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Perlis menyatakan bahawa; "Maka hendaklah ada suatu badan bernama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis" untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu."

Bagi menggalas amanah dan tanggungjawab yang suci ini, peranan MAIPs yang dipimpin dengan penuh hikmah dan bijaksana oleh Tuanku Syed Faizuddin Putra begitu utuh dan kukuh. Tuanku Syed Faizuddin Putra dilihat telah melaksanakan satu perubahan besar kepada MAIPs dengan mengagaskan transformasi pengurusan MAIPs secara menyeluruh. Terukir indah dalam lipatan sejarah, keprihatinan Tuanku Syed Faizuddin Putra terhadap kecemerlangan pengurusan MAIPs apabila Baginda telah menitahkan hasrat agar pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, mengenal pasti kaedah dan mekanisme terbaik ke arah melaksanakan transformasi pengurusan MAIPs. Seajar dengan perubahan persekitaran global yang berhadapan dengan pelbagai cabaran monumental yang menuntut kepada perubahan dan islah, maka MAIPs telah mengalami proses transformasi pengurusan secara holistik bermula pertengahan tahun 2011. Transformasi MAIPs secara berfasa, diperkuat dengan gagasan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemacu transformasi ummah yang dijulung dalam Kongres MAIN Seluruh Malaysia Kali Pertama yang berlangsung pada 26 dan 27 September 2011.

Ekoran daripada itu, MAIPs telah bergerak menuju transformasi dengan melaksanakan pelbagai perubahan. MAIPs telah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang menerajui pengurusan MAIPs dan bertindak sebagai Setiausaha Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang sebelum ini